

KANGAR, 28 MEI (BERNAMA) -- PARA ANGGOTA UMNO YANG MAHU MENJADI PEMIMPIN MESTILAH BERSEDIA MENUNGGU GILIRAN MASING-MASING, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SAMBIL MENEKANKAN BAHAWA KEPENTINGAN PARTI ADALAH LEBIH PENTING DARIPADA KEPENTINGAN INDIVIDU. PERDANA MENTERI BERKATA UMNO TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT BAGI ORANG-ORANG YANG SENGAJA Mencari BERBAGAI ALASAN YANG BOLEH MEMECAHBELAHKAN PARTI UNTUK MENDAPAT KEDUDUKAN.

+KADANGKALA DI KALANGAN ANGGOTA UMNO TIMBUL USAHA-USAHA UNTUK MEMECAHBELAHKAN PARTI DENGAN BERMACAM-MACAM ALASAN KONONNYA ADA PEMIMPIN YANG TIDAK BEGITU CEKAP DAN TERDAPAT DASAR YANG TIDAK BETUL,+ KATA BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

+TETAPI APABILA DIPERIKSA, KITA AKAN MENDAPATI BAHAWA ORANG-ORANG INI, KERANA HENDAK MENDAPAT TEMPAT, SANGGUP Mencari BERBAGAI ALASAN,+ TAMBAH BELIAU KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KANGAR DAN ARAU DI SEKOLAH MENENGAH DERMA DI SINI. -- LAGI 1602/MK

NNNN

MAHATHIR - UMNO 2 KANGAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYESALI PERKARA INI KERANA AKIBATNYA IALAH KADANGKALA PARA ANGGOTA UMNO TERPAKSA MENGALIH PERHATIAN KEPADA TUGAS-TUGAS YANG SEHARUSNYA TIDAK PERLU DIJALANKAN.

+SAYA JUGA SENTIASA MEMBUAT TEGURAN MENGENAI UMNO SEMASA IA DI BAWAH PIMPINAN ORANG LAIN DAN MUNGKIN ADA YANG MENGATAKAN SAYA JUGA INGIN Mencari TEMPAT,+ KATA BELIAU.

+TETAPI SECARA IKHLAS SAYA KATAKAN DI SINI SAYA TIDAK TERMIMPI PUN AKAN SAMPAI KE TEMPAT INI (KEDUDUKAN SEBAGAI PERDANA MENTERI)... INI TAKDIR, SAYA TIDAK TAHU,+ TAMBAH BELIAU DISAMBUT DENGAN TEPUK GEMURUH OLEH 1,000 ORANG PERWAKILAN YANG HADIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGGATKAN BAHAWA UMNO PERLU MENENTUKAN SESUATU DASAR PARTI ITU BERJALAN LANCAR.

BELIAU MENJELASKAN DASAR YANG BAIK DAN MULIA SEKALIPUN TIDAK AKAN DAPAT DILAKSANAKAN SEKIRANYA UMNO MENJADI LEMAH AKIBAT PERPECAHAN DI KALANGAN ANGGOTANYA.

SEBALIKNYA, SEKALI PUN DASAR ITU TIDAK BEGITU BAIK TETAPI DISOKONG OLEH SEMUA ANGGOTA YANG BERSATUPADU, SUDAH TENTU IA SEDIKIT SEBANYAK AKAN MENCAPAI KEJAYAAN JUGA. -- LAGI 1605/MK

NNNN

ZCZC B555

MAHATHIR - UMNO 3 KANGAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SEMUA ANGGOTA PARTI AKAN MENGHAYATI FALSAFAH PERJUANGAN UMNO, IAITU MELAYU BERSATU.

+NAMA PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (UMNO) YANG DIPILIH OLEH PEMIMPIN PADA KETIKA ITU MEMPUNYAI MAKNA YANG TEPAT BAGI PERJUANGAN ORANG MELAYU,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH DOA YANG DIBACAKAN DI PERMULAAN UPACARA PERASMIAN MESYUARAT AGAR PARA ANGGOTA UMNO RAJIN BEKERJA DAN MENGIKIS SIKAP +TIDAK APA+.

BELIAU BERHARAP DOA ITU TIDAK +DIAMINKAN SAHAJA TETAPI DIAMALKAN+ SUPAYA ORANG MELAYU TIDAK CUMA MENJADI GOLONGAN YANG MEMINTA TANPA BERIKHTIAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA DASAR PANDANG KE TIMUR BERTUJUAN ANTARA LAIN MENJADI ORANG MELAYU SATU GOLONGAN YANG KUAT YANG TIDAK MENGHARAPKAN BANTUAN KERAJAAN SEMATA-MATA. -- BERNAMA 1609/MK

NNNN